



GPHDN 1/2009

GARIS PANDUAN LHDNM

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMBUAT BAYARAN CUKAI

1. Garis panduan ini menerangkan maklumat yang diperlukan semasa membuat bayaran Cukai Pendapatan (selain bayaran PCB), Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Cukai Pegangan.
2. Maklumat bayaran yang betul dan tepat adalah penting bagi tujuan mengemaskini ke akaun pembayar cukai.
3. Maklumat bayaran adalah berbeza mengikut jenis cukai dan bayaran diakaunkan mengikut jenis cukai berkenaan.

4. Bayaran Cukai Pendapatan Dan Cukai Keuntungan Harta Tanah

- 4.1 Butiran yang diperlukan untuk bayaran Cukai Pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah adalah :
 - Nama dan alamat Pembayar Cukai
 - Nombor Rujukan
 - Tahun Taksiran
 - Kod Bayaran (untuk membezakan jenis bayaran)
 - Nombor Ansuran (tidak diperlukan dalam keadaan tertentu)

4.2 Cukai Pendapatan

Kategori fail SG, OG, TP, F, J, FA, C, CS, TA, TC dan TR

Kod bayaran yang lazim digunakan :

| KETERANGAN BAYARAN | MAKLUMAT DIPERLUKAN | | |
|--|---------------------|----------------|-------------|
| | KOD | TAHUN TAKSIRAN | NO. ANSURAN |
| Bayaran Cukai Tahun Taksiran 2004 dan ke atas | 084 | Ya | Ya |
| Bayaran Cukai (fail C, CS, TA, TC dan TR sahaja) | 086 | Ya | Ya |
| Bayaran Taksiran Komposit | 088 | Ya | Ya |

| | | | |
|---|-----|----|-------|
| Bayaran cukai Tahun Taksiran 2001 dan sebelum | 095 | Ya | Ya |
| Kenaikan Seksyen 103/107 | 150 | Ya | Tidak |
| Kenaikan Ansuran cukai Seksyen 107B(3)/107C(9) | 154 | Ya | Tidak |
| Kenaikan Perbezaan Cukai Seksyen 107B(4) / 107C(10) | 155 | Ya | Tidak |
| Ansuran Dengan Kelulusan Pegawai Audit | 158 | Ya | Ya |
| Ansuran Dengan Kelulusan Pegawai Pungutan | 159 | Ya | Ya |
| Ansuran Dengan Kelulusan Unit Undang-Undang | 160 | Ya | Ya |

Kod Bayaran selain di atas :

| KETERANGAN BAYARAN | MAKLUMAT DIPERLUKAN | | |
|---|---------------------|----------------|-------------|
| | KOD | TAHUN TAKSIRAN | NO. ANSURAN |
| Kompaun | 055 | Ya | Tidak |
| Permintaan Di Bawah Seksyen 108 (fail C sahaja) | 151 | Ya | Tidak |
| Kenaikan Cukai Bagi Permintaan Di Bawah Seksyen 108 (fail C sahaja) | 152 | Ya | Tidak |
| Kenaikan Cukai Di Bawah Taksiran Komposit | 153 | Ya | Tidak |
| Kos Mahkamah | 156 | Ya | Tidak |
| Faedah Atas Hutang Hukuman | 157 | Ya | Tidak |
| Kos Guaman | 173 | Ya | Tidak |
| Permintaan Di Bawah Seksyen 25 Peruntukan Kecualian & Peralihan ACP 1967 - Akta A1093 (fail C sahaja) | 178 | Ya | Tidak |
| Kenaikan Permintaan Di Bawah Seksyen 25 Peruntukan Kecualian & Peralihan ACP 1967 - Akta A1093 ((fail C sahaja) | 181 | Ya | Tidak |

Bayaran kompaun hanya boleh dibayar dikaunter bayaran LHDNM sahaja.

4.3 Cukai Keuntungan Harta Tanah

Kategori Fail SG, OG, TP, F, J, D, FA C,CS,TA,TC dan TR

| KETERANGAN BAYARAN | MAKLUMAT DIPERLUKAN | | |
|-----------------------|---------------------|----------------|-------------|
| | KOD | TAHUN TAKSIRAN | NO. ANSURAN |
| Bayaran CKHT | 090 | Ya | Tidak |
| Bayaran Kenaikan CKHT | 250 | Ya | Tidak |

- 4.3 Pembayar cukai boleh menggunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501 atau CP207) yang disediakan bersama borang atau surat (yang dikeluarkan oleh LHDNM) apabila membuat bayaran di kaunter bayaran atau melalui pos.

Contoh Slip Pengiriman Bayaran

| | | | | |
|---|-------------|---|-----------------------|--------------------|
|  | | SLIP PENGIRIMAN BAYARAN | | CP501 [Pin.1/2007] |
| | | Kepada: KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI | | |
| Bersama-sama ini disertakan cek/kiriman wang/wang pos/draf bank sebagai bayaran cukai pendapatan. | | | | |
| NO. RUJUKAN CUKAI | KOD BAYARAN | NO. ANSURAN | TAHUN TAKSIRAN | |
| OG 06130041031 | 084 | 4 | 2009 | |
| Nama dan Alamat Pos | | Amaun Bayaran | RM | |
| | | | No. Kad Pengenalan | |
| | | | No. Cek dan Lain-lain | |
| | | | Nama Bank Pembayar | |
| | | | No. Telefon | |
| | | | Tarikh : | |

- 4.4 Maklumat dalam Slip Pengiriman Bayaran tersebut seperti tahun taksiran dan kod bayaran boleh dijadikan panduan jika bayaran dibuat selain di kaunter bayaran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seperti di bank dan bayaran melalui perbankan internet.
- 4.5 Slip Pengiriman Bayaran juga boleh diperolehi dari laman web LHDNM sekiranya pembayar cukai tidak menerima slip tersebut.

5 Cukai Pegangan

- 5.1 Pembayar cukai perlu mengisi borang bayaran LHDNM yang disediakan. Borang bayaran Cukai Pegangan boleh didapati di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching atau boleh dimuat turun dari laman web rasmi LHDNM. Jenis bayaran dan borang yang perlu digunakan untuk bayaran Cukai Pegangan adalah :

| Jenis Bayaran | Borang LHDNM |
|--|--------------|
| Potongan-Potongan Daripada Bayaran Royalti Dan Faedah Kepada Orang Yang Tidak Bermastautin – Seksyen 109 ACP1967 | CP37 |
| Potongan-Potongan Daripada Bayaran Kontrak Kepada Kontraktor Yang Tidak Bermastautin – Seksyen 107 ACP1967 | CP37A |
| Potongan-Potongan Daripada Faedah (Selain Daripada Faedah Yang Dikecualikan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967) Yang Dibayar Kepada Individu Yang Bermastautin – Seksyen 109C ACP1967 | CP37C |

| | |
|---|-------------|
| Potongan-Potongan Daripada Pendapatan Kelas Khas Di Bawah Seksyen 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 – Seksyen 109B ACP1967 | CP37D |
| Potongan-Potongan Daripada Pendapatan Kelas Khas D Bawah Seksyen 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 Berkaitan dengan Projek Pembangunan Bersama – Seksyen 109B ACP1967 | CP37D(1) |
| Akaun Potongan-Potongan Daripada Pendapatan Amanah Pelaburan Harta Tanah Yang Diagihkan Kepada Orang Yang Tidak Bermastautin – Seksyen 109D | CP37E(REIT) |
| Akaun Potongan-Potongan Daripada Bayaran Kepada Orang Yang Tidak Bermastautin Di Bawah Perenggan 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 – Seksyen 109F ACP1967 | CP37F |
| Slip Pengiriman Cukai yang Dinaikkan -Seksyen 109(2) dan 109B(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 | CP147 |
| Slip Pengiriman Cukai yang Dinaikkan -Seksyen 107A(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 | CP147(1) |

5.2 Pengisian Borang Bayaran Terbahagi Kepada 3 Bahagian :

5.2.1 Bahagian A (Butiran Pembayar)

- i. Mengandungi maklumat nama pembayar, alamat dan nombor rujukan cukai.
- ii. Bagi borang CP37A maklumat tambahan lain adalah nama projek dan nombor kontrak. No kontrak akan diberi oleh LHDNM.

5.2.2 Bahagian B (Butiran Penerima)

- i. Mengandungi maklumat nama penerima, alamat, negara asing nombor rujukan dan nombor pasport.
- ii. Bagi borang CP37A maklumat tambahan lain adalah tahun berakhir perakaunan penerima.
- iii. Sekiranya penerima tidak mempunyai nombor rujukan cukai, permohonan pendaftaran boleh dilakukan di Cawangan Tidak Bermastautin atau di Unit Cukai Pegangan Cawangan Pungutan Kuala Lumpur.

5.2.3 Bahagian C (Butiran Mengenai Potongan)

- i. Mengandungi maklumat tempoh diliputi untuk bayaran bekenaan, tarikh, amaun kasar, amaun bersih dibayar / dikreditkan.
- ii. Bagi borang CP37A maklumat tambahan lain adalah amaun bayaran kontrak kasar dan bahagian perkhidmatan bayaran kontrak.

- 5.3 Bayaran hendaklah disertakan dengan salinan inbois/baucar bayaran /*telegraphic transfer* sebagai bukti.
- 5.4 Setiap bayaran hendaklah menggunakan borang dan cek yang berasingan.
- 5.5 Bayaran Cukai Pegangan hanya boleh dibuat di kaunter LHDNM sahaja

6 **Bayaran Boleh Dibuat Seperti Berikut.**

6.1 LHDNM

- 6.1.1 Kaunter bayaran LHDNM atau penerimaan bayaran melalui pos. Cek, kiriman wang dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Gunakan Slip Pengiriman Bayaran apabila membuat bayaran.
- 6.1.2 e-Bayaran melalui FPX (*Financial Process Exchange*) di laman web LHDNM, <http://www.hasil.gov.my>.
 - i. Bank yang menjadi ahli FPX adalah CIMB, PBB, MBB, RHB, BIMB dan Hong Leong Bank.
 - ii. Bayaran Cukai Pendapatan (selain bayaran PCB) dan Cukai Keuntungan Harta Tanah boleh dibayar melalui kemudahan ini.

6.2 Bank

Senarai bank-bank yang dilantik serta perkhidmatan yang disediakan adalah seperti di LAMPIRAN 1

PERKHIDMATAN BAYARAN CUKAI MELALUI BANK